



PACIFIC & ORIENT INSURANCE CO. BERHAD

No. Pendaftaran 197201000959 (12557-W)

Ahli Kumpulan Pacific & Orient

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya, No. 10, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur.
P. O. Box 10953, 50730 Kuala Lumpur. Laman Web: www.poi2u.com
Telefon: 03-2698 5033 Faks: 03-2693 8145 Talian Bebas Tol: 1 800 88 2121
No Cukai Perkhidmatan : W10-1808-31021805

LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Polisi Insurans Kekurangan Kredit. Pastikan anda juga telah membaca terma dan syarat am.)

Polisi Kekurangan Kredit

Tarikh:

1. Apakah produk ini?

Bagi kes kerugian penuh atau tuntutan kecurian, polisi ini akan membayar perbezaan antara nilai pasaran motosikal atau kereta persendirian anda yang diinsuranskan dengan kami dan baki pinjaman yang belum dibayar.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini meliputi:

- Jika motosikal atau kereta persendirian yang diinsuranskan mengalami kerugian penuh atau dicuri, jumlah pinjaman belum bayar yang dihutang kepada institusi kewangan akan dilindungi.

Manfaat tambahan yang disediakan di bawah polisi ini adalah seperti berikut:

- Polisi ini akan membuat pembayaran tambahan sehingga 10% daripada jumlah diinsuranskan bagi motosikal sehingga RM2,500 maksimum, untuk membantu membayar deposit bagi mana-mana motosikal baharu yang anda ingin beli.
- Polisi ini akan membuat pembayaran tambahan sehingga 10% daripada jumlah yang diinsuranskan bagi kereta persendirian sehingga RM10,000 maksimum, untuk membantu membayar deposit bagi mana-mana kereta persendirian baharu yang anda ingin beli.

Tempoh perlindungan adalah 1 tahun dari tarikh polisi ini dikeluarkan.

3. Berapa banyak premium yang saya perlu bayar?

Kadar premium adalah di antara 0.2% hingga 0.69% daripada amaun diinsuranskan.

4. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Jumlah
-------	--------

- | | |
|---|------------------------|
| ▪ Komisen yang dibayar kepada ejen insurans | ▪ 10% daripada premium |
| ▪ Duti setem | ▪ RM10 |
| ▪ Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) | ▪ 6% daripada premium |

5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat yang saya harus ketahui?

- Polisi insuran komprehensif kenderaan anda harus di insuran dengan syarikat kami.
- Kenderaan anda masih lagi dibiayai dengan sewa-beli.

6. Bolehkah saya membatalkan polisi saya?

- Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami;
- Kami juga boleh membatalkan polisi ini dengan memberikan anda notis bertulis bertempoh 14 hari melalui pos berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui;
- Setelah pembatalan dibuat, anda layak menerima bayaran balik premium, berdasarkan kadar jangka pendek.

7. Apakah yang harus dilakukan jika terdapat perubahan dalam maklumat hubungan saya?

Penting untuk anda memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda untuk memastikan segala surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

8. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda ada sebarang pertanyaan atau memerlukan maklumat tambahan, sila hubungi kami di:

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad

Tingkat 11, Wisma Bumi Raya,

No. 10, Jalan Raja Laut,

50350 Kuala Lumpur.

Tel : 03-2698 5033

Faks : 03-2693 8145

E-mel : poi@pacific-orient.com

Laman web: www.poi2u.com

NOTA PENTING:

ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANSINI DAN HUBINGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah penerangan ringkas untuk rujukan cepat dan mudah. Terma-terma dan syarat-syarat tepat yang diperlukan adalah terkandung dalam kontrak polisi.

Pacific & Orient Insurance Co. Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 14 February 2019.